

## Sosiobudaya Komuniti Cam di Sanya, Hainan dan Sungai Buloh, Selangor: Analisis Perbandingan Kesan Pertembungan Identiti

*Socio-Cultures of the Cham Community in Sanya, Hainan and Sungai Buloh, Selangor:  
A Comparative Analysis on the Effects of Identity Contestation*

YAHUI ZHOU, ASYAARI MUHAMAD\*, ZULISKANDAR RAMLI & NURLIYANA MOHD TALIB

Received: 14-9-2024/ Accepted: 3-7-2025

### ABSTRAK

Negara Campa mempunyai sejarah peradaban unik dan gemilang di Asia Tenggara, namun kajian komuniti Cam moden terdahulu sering mengabaikan peranan agama dalam pertembungan identiti. Kajian perbandingan ini mengisi lompong penting dalam kajian komuniti diaspora Cam dengan menganalisis perbezaan perkembangan sosiobudaya, pembentukan dan penyelarasan identiti komuniti Cam di Sanya, Hainan dan Sungai Buloh, Selangor. Pemilihan kedua-dua lokasi bersifat kritikal kerana mewakili faktor tekanan persekitaran sosiopolitik yang berbeza: Sanya sebagai niche pelancongan China manakala Sungai Buloh dalam konteks pambandan Malaysia yang homogen. Melalui pendekatan antropologi kualitatif, kajian ini menggabungkan analisis kandungan teks dengan temu bual mendalam bersama 12 orang informan. Dapatan kajian mendedahkan peranan strategik faktor agama dalam memacu dinamika ketahanan budaya dan identiti Cam. Komuniti Cam di Sanya menunjukkan ketahanan tinggi akibat tekanan asimilasi yang bersifat minimal dalam “niche perlindungan” pelancongan. Keadaan ini memungkinkan mekanisme penampakan agama yang berfungsi secara berkesan dalam membentuk ruang identiti melalui penyatuan ritual keagamaan dengan kehidupan harian, pengukuhan endogami sebagai benteng budaya dan penuturan aktif dialek Tsat. Sebaliknya, komuniti Cam di Sungai Buloh menghadapi tekanan asimilasi lebih besar dan berisiko lebih tinggi mengalami pelunturan identiti etnik terutamanya dalam kalangan generasi muda, akibat dominasi budaya majoriti setempat. Secara kritikal, kajian ini mengisi jurang empirikal dalam kajian diaspora Cam kontemporari dan memberikan pemahaman komparatif yang mendalam tentang faktor pemudah dan penghalang pemeliharaan warisan dan identiti komuniti Cam dalam latar belakang negara yang berbeza.

Kata kunci: Komuniti Cam Selangor; Komuniti Cam Hainan; perkembangan sosiobudaya; tahap asimilasi; pertembungan identiti

### ABSTRACT


The kingdom of Champa has a unique and glorious history in Southeast Asia. However, previous studies of modern Cham communities have often ignored the role of religion in identity contestation. This comparative study fills an important gap in the study of Cham diaspora communities by analyzing the differences in sociocultural development, identity formation and negotiation of the Cham community in Sanya, Hainan and Sungai Buloh, Selangor. The selection of the two locations is critical because they represent different sociopolitical environmental pressures: Sanya as a tourism niche in China while Sungai Buloh in the context of homogeneous Malaysian urbanization. Through a qualitative anthropological approach, this study combines content analysis with in-depth interviews with 12 informants. The findings reveal the strategic role of religion as an important factor in driving the dynamics of cultural and identity contestation as well as its resilience. The Cham community in Sanya portrays high resilience due to minimal assimilation pressures in the “protective niche” of tourism. This situation is the outcome of the role plays by religion as an effective buffer mechanism in identity maintenance through the integration of religious rituals with daily life, the strengthening of endogamy practices and the active usage of the Tsat dialect. In contrast, the Cham community in Sungai Buloh faces greater assimilation pressures and is at higher risk of experiencing ethnic identity breakdown, especially among the younger generation, due to the dominance of the local majority culture. Critically, this study fills an empirical gap in contemporary Cham diaspora studies and provides an in-depth comparative understanding of the facilitating and hindering factors in preserving the heritage and identity of Cham communities in different national settings.

Keywords: Selangor Cham community; Hainan Cham community; socio-cultural development; level of assimilation; identity contestation

## PENGENALAN

Kerajaan Campa kuno merupakan sebuah negara yang wujud dari abad ke-2 hingga ke-19 Masihi dan wilayahnya merangkumi kawasan tengah dan selatan Vietnam. Masyarakat Campa, yang pada asalnya mendiami kawasan ini, banyak terlibat dalam aktiviti seperti tenunan dan perikanan. Namun peperangan serta bencana alam menyebabkan ramai orang Cam terpaksa melarikan diri dan merantau ke pelbagai negara, termasuk negara China dan Malaysia yang memperlihatkan mereka membentuk komuniti diaspora Cam di pelbagai tempat. Catatan sejarah seperti disebutkan Andaya (2010: 45), menunjukkan penghijrahan orang Islam Cam ke Pulau Hainan sudah berlaku seawal tahun 986 Masihi, yang dibuktikan melalui catatan penghantaran ufti dari Campa ke China. Di Pulau Hainan, sebilangan besar pedagang Islam dari Campa menetap di bandar Sanya dan kemudian berkahwin campur dengan penduduk tempatan, mengembangkan salasilah keturunan mereka. Komuniti Cam di Hainan dianggap sebagai keturunan orang Cam purba dan mempunyai sejarah penghijrahan yang kompleks (He et al., 2023). Analisis kandungan genetik menunjukkan bahawa orang Cam berbeza secara genetik daripada orang Islam di tanah besar China tetapi mempunyai pertalian genetik yang erat dengan orang asli di Vietnam. Ahli antropologi Jerman Hans Stubel semasa mengkaji kumpulan etnik Li di Pulau Hainan dalam tahun 1931, beliau menemukan komuniti Cam (yang juga dikenali sebagai Utsat) di Sanya dan turut mencatatkan keunikan bahasa komuniti Cam yang menurutnya mengandungi banyak kata akar bahasa Melayu (Guo & et. al., 2013). Berdasarkan bancian dari Jabatan Statistik Provinsi Hainan pada tahun 2020, populasi komuniti Cam di Sanya, Hainan dianggarkan sekitar 10,670 orang. Komuniti ini kini tertumpu di dua perkampungan utama: Kampung Huihui dan Kampung Huixin (Wang, 2008).

Dengan demikian, jejak penghijrahan keturunan Campa terutamanya membentang dari tanah air asal mereka di Vietnam Tengah/Selatan ke arah utara menuju Pulau Hainan China dan ke arah selatan menuju Semenanjung Malaysia, juga ke Indonesia (Peta 1). Sementara itu, terdapat juga komuniti Cam yang berhijrah ke Semenanjung Malaysia pada awal abad ke-19 untuk menyelamatkan diri dari ancaman kerajaan Đạì Việ̣t (Vietnam). Mangsa-mangsa pelarian dari Campa ini mendapat perlindungan di Kelantan, Terengganu, Selangor, Johor dan Melaka. Kebanyakan mereka yang berhijrah ke Malaysia semasa tempoh pemerintahan Khmer Rouge dari tahun 1975 hingga 1979 dikumpulkan di Kem Pelarian Kelantan dan Pahang (Siti Nor Awang, 2021). Selepas menjalani latihan sara hidup dan pengajaran bahasa Melayu, mereka diberi kebebasan memilih penempatan baharu di Malaysia (Mohamad Zain, 2003). Berdasarkan temu bual kajian lapangan, komuniti Cam di Sungai Buloh, Selangor terbentuk terutamanya antara tahun 1985 hingga 1995 dan merupakan sebahagian daripada kelompok yang memanfaatkan kebebasan penempatan semula ini.



PETA 1. Jalur Perpindahan Keturunan Cam Ke Negara-negara Asing

Kajian antropologi menyumbang secara signifikan terhadap etika sejagat dengan menyediakan etnografi yang menyingkap dimensi pengalaman hidup unik dan dikongsi oleh komuniti berbeza, terutama melalui lensa sosiobudaya. Dari segi definisi, aspek sosiobudaya meliputi gaya hidup, adat istiadat, kegiatan ekonomi, dan aspek kehidupan manusia yang diwarisi dari generasi ke generasi. Istilah sosiobudaya itu sendiri merujuk amalan kehidupan dan peradaban komuniti yang terbentuk daripada nilai pegangan serta kecenderungan kolektif (Rahman, 2019). Secara operasional, ia merangkumi elemen seperti adat resam, ritual, pantang larang, amalan pemakanan, pola hubungan sosial, dan sistem identiti serta ekspresi simbol. Penerapan pendekatan antropologi dalam kajian sosiobudaya ini membolehkan penelitian mendalam terhadap ciri kehidupan seharian dan kerangka budaya sesuatu komuniti atau kelompok etnik.

Kajian perbandingan perkembangan sosiobudaya komuniti Cam di China dan Malaysia dapat merungkai jaringan diaspora bersejarah yang menjadi asas hubungan dua negara. Catatan migrasi menunjukkan kelompok pelaut Muslim dari Kwangtung berhijrah ke Malaysia dan Thailand sejak abad ke-18, akhirnya menetap di Pulau Pinang dan Pulau Pangkor (Lei, 2022). Salah seorang daripada mereka, Hasan Saleh atau nama Chinanya Ha Suzhang, merupakan datuk sebelah ibu kepada bekas Perdana Menteri Malaysia kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi. Hasan Saleh dipercayai berketurunan Cam dari Kota Sanya kerana ramai keturunannya kini menetap di Pulau Hainan (Wong, 2016). Perhubungan bersejarah ini mewakili dinamik akulturasi rakyat China dan Malaysia, antaranya unsur Cam-Melayu terintegrasi dalam warisan budaya seperti seni bina masjid Pangkor abad ke-19.

Kajian sosiobudaya melalui perbandingan komuniti Cam di Hainan dan Sungai Buloh ini membuka ruang untuk meneroka dinamik kesinambungan etnik dalam kumpulan diaspora. Penyelidikan ini bukan sahaja mengisi lompong akademik tetapi berpotensi untuk mendedahkan paradoks yang mencabar gerak hati: bagaimanakah komuniti minoriti kecil di Hainan mampu mengekalkan identiti budaya yang lebih utuh berbanding masyarakat yang lebih besar di Sungai Buloh yang berdepan dengan hakisan budaya generasi muda? Fenomena bercanggah ini menimbulkan teka-teki yang mendalam tentang peranan faktor tersembunyi, terutamanya interaksi

kompleks antara agama, tekanan sosiopolitik dan strategi pengekaln identiti yang menentukan trajektori asimilasi kumpulan etnik yang serupa dalam ekosistem yang berbeza. Melalui lensa antropologi dengan pemerhatian ikut-serta dan temu bual mendalam, kajian ini direka untuk membedah mekanisme penentu di sebalik perbezaan ini, dengan tumpuan kritikal terhadap fungsi dua dimensi agama: adakah ia bertindak sebagai perisai budaya di Hainan atau jambatan kepada pembudayaan di Sungai Buloh? Implikasi revolusioner terletak pada keupayaan untuk membina model intervensi ketepatan, iaitu rangka kerja yang bukan sahaja mengekalkan warisan Cam tetapi juga menawarkan panduan praktikal untuk keharmonian masyarakat majmuk dalam landskap global yang penuh tekanan.

Kajian terdahulu berasaskan teori asimilasi linear bukan sahaja menekankan komuniti saiz kecil sebagai pencetus kelajuan asimilasi, malah secara implisit mengandaikan bahawa tempoh pendedahan yang lebih panjang terhadap budaya dominan pasti mempercepatkan kehilangan identiti (Gordon 1988). Sementara Aljunied & Khan (2022) mengemukakan Paradigma Ganda yang meramalkan nasib tragis minoriti berakar lama melalui dua mekanisme:(1) Proses Peminoritisasi (*systemic minoritization*): Pengecualian sistematik oleh negara majoriti;(2) Proses Pemajoritisasi (*coercive majoritization*): Pemaksaan nilai sekular serta kawalan ke atas perkembangan agama melalui institusi. Paradigma ini menegaskan komuniti kecil seperti Melayu-Muslim Singapura menghadapi dilema: asimilasi tuntas atau kepupusan identiti. Namun, adakah nasib komuniti Cam di Sanya yang telah bertapak selama sepuluh abad di bumi China akur pada gagasan teori ini? Mengapa komuniti Cam di Sungai Buloh dengan penubuhan kurang satu abad menunjukkan asimilasi lebih mendalam, sedangkan komuniti Cam Sanya berusia sepuluh kurun tetap mengekalkan identiti unggul? Apakah rahsia ketahanan minoriti berakar lama seperti Cam Sanya dan Melayu-Muslim Singapura dalam menyanggahi logik pengaruh masa penempatan dan saiz kumpulan, bukan sekadar bertahan, malah membina strategi aktif menentang pencairan identiti?

## PEMASALAHAN KAJIAN DAN LANDASAN TEORETIKAL

Kajian ini bertitik-tolak dari satu paradoks empirikal, iaitu komuniti Cam di Sanya, China, meskipun populasinya kecil dengan hanya sekitar 10,000 orang dan sejarah penempatannya yang menjangkau lebih 1,000 tahun berjaya mengekalkan identiti budaya mereka dengan lebih utuh (Zheng, 1986). Sedangkan di Malaysia, komuniti Cam yang jauh lebih besar dengan anggaran 60,000 orang dengan tempoh penempatan kurang dari satu abad, tidak menunjukkan kelestarian budaya seperti komuniti Cam di Sanya. Fenomena ini bertentangan dengan gagasan teori asimilasi linear yang menyatakan kelompok minoriti kecil dan berakar lama sepatutnya mengalami kehakisan identiti lebih pantas. Tampaknya, penyelesaian kepada kemusykilan ini terletak pada perbezaan asas dalam struktur amalan keagamaan kedua-dua buah komuniti ini.

Di Sanya, komuniti Cam membangunkan sistem keagamaan Islam berautonomi yang ketat dan terpisah daripada arus perdana amalan negara China. Mereka menguruskan masjid-masjid eksklusif sendiri, mengamalkan pola perkahwinan dalam kelompok Islam sahaja, menggunakan bahasa Tsat secara dominan dalam ritual agama, serta mengekalkan institusi pendidikan agama yang mengajar tradisi khusus komuniti Cam. Amalan terpisah ini membentuk ekosistem budaya tersendiri yang berfungsi sebagai benteng pertahanan semula jadi. Tembok budaya inilah yang berjaya meneutralkan tekanan asimilasi daripada masyarakat majoriti tempatan walaupun menghadapi “kerentanan berganda” (*double vulnerability*) iaitu bersaiz kecil dan memiliki sejarah penempatan jangka panjang.

Sebaliknya, komuniti Cam di Sungai Buloh mengamalkan model integrasi keagamaan dengan masyarakat Melayu tempatan. Mereka beribadah di masjid yang dikongsi dengan komuniti lain, mengguna pakai bahasa Melayu dalam aktiviti keagamaan, menerima sistem pendidikan arus perdana dan mencatat kadar perkahwinan campur melebihi 50% khususnya dalam kalangan generasi muda. Ketiadaan institusi agama yang berbeza dan batas budaya yang kabur ini membentuk laluan pantas untuk pembauran budaya. Walaupun berjumlah lebih besar dan tempoh penempatan lebih singkat, ketiadaan mekanisme perlindungan budaya yang khusus menyebabkan proses asimilasi berlaku lebih mendalam dan pantas berbanding kes Sanya.

Perbezaan asas ini menunjukkan bahawa daya tahan budaya kumpulan minoriti tidak ditentukan secara mutlak oleh saiz populasi atau tempoh pendedahan, tetapi oleh kemampuan membentuk ekosistem keagamaan berautonomi yang konsisten. Komuniti kecil mampu mengekalkan identiti melalui pembinaan ruang keagamaan eksklusif yang bertindak sebagai benteng budaya, manakala komuniti besar tanpa mekanisme perlindungan khusus tetap terdedah kepada tekanan asimilasi walaupun dalam tempoh singkat.

Dengan memanfaatkan kerangka teori Pemeliharaan Sempadan Etnik Barth (1998) dan dimensi “kemasukan” Budyta-Budzyńska (2010), kajian ini memiliki landasan teoritis yang kukuh untuk menganalisis faktor-faktor kunci yang mempengaruhi proses asimilasi dalam komuniti-komuniti Cam yang menjadi subjek kajian. Teori Barth menegaskan bahawa identiti kelompok minoriti bukanlah entiti statik, tetapi hasil usaha aktif membina dan mengekalkan sempadan simbolik yang membezakan mereka dengan kelompok dominan. Dalam konteks ini, ruang agama autonomi muncul sebagai mekanisme penapis dan benteng utama dalam usaha pemeliharaan sempadan ini. Kerangka dimensi “kemasukan” Budyta-Budzyńska yang mengandungi empat dimensi, iaitu ekonomi, budaya, sosiopolitik dan identiti pula diaplikasi untuk menganalisis pertembungan identiti. Ini memberikan lensa yang sangat operasional untuk membedah secara konkrit bagaimana ruang agama yang autonomi itu berfungsi sebagai mekanisme penahanan asimilasi pada setiap peringkat kehidupan komuniti, dengan tambahan dimensi agama: (1) Dimensi Ekonomi: Kawalan ke atas sumber melalui institusi agama mencipta batas ekonomi, mengurangkan kebergantungan dan interaksi ekonomi terpaksa yang boleh membawa kepada asimilasi; (2) Dimensi Budaya: Ruang agama menjadi tempat perlindungan utama bagi bahasa, simbol, dan amalan budaya tradisional, secara aktif menentang pencairan budaya yang menjadi inti asimilasi; (3) Dimensi Sosiopolitik: Kewibawaan dan struktur kepimpinan keagamaan membentuk autonomi politik mikro, menyediakan ruang untuk pentadbiran dalaman dan pengambilan keputusan komuniti, mengurangkan pengaruh luaran yang mendorong asimilasi; (4) Dimensi Identiti: Ritual dan norma keagamaan yang diamalkan dalam ruang autonomi ini secara berterusan memperkukuh dan memperbaharui penanda identiti kolektif yang unik dan menjadi benteng paling asas melawan tekanan asimilasi; (5) Dimensi agama: Melalui ruang, institusi, kepimpinan dan amalan, dimensi keagamaan ini boleh berfungsi sebagai tulang belakang strategik pemeliharaan sempadan etnik secara holistik.

Gabungan kedua-dua teori ini membolehkan kajian ini mengenal pasti dan menganalisis secara mendalam peranan agama Islam dan lima dimensi kemasukan sebagai faktor penentu kritis yang mempengaruhi daya tahan komuniti Cam terhadap kuasa asimilasi. Secara khusus, kerangka teori ini memungkinkan kajian ini meneroka dan menjelaskan bagaimana mekanisme pemeliharaan sempadan yang berpusat pada ruang agama berautonomi, khususnya melalui operasinya dalam kelima-lima dimensi iaitu ekonomi, budaya, sosiopolitik identiti dan agama, bertindak sebagai faktor utama yang menentukan tahap dan corak asimilasi atau ketiadaannya yang dialami oleh komuniti Cam.

## SOROTAN KAJIAN LITERATUR

Dalam kajian mengenai aspek sosiobudaya komuniti Cam, fokus utama adalah mengenai sejarah, asal usul dan pengaruh agama. Lockhart (2011) menyatakan komuniti Cam kebanyakannya beragama Islam dan mempunyai hubungan persaudaraan serta pertalian yang lebih erat dengan orang Melayu. Beliau juga menjelaskan terdapat kumpulan komuniti Cam di sempadan Cochinchina yang telah melarikan diri ke Kemboja beberapa dekad setelah berkhidmat dengan rejim penjajah Vietnam di sana semasa tahun 1830-an dan 1840-an. Kajian Antropologi menegaskan komuniti Cam adalah serumpun dengan bangsa Melayu (Wan Hashim, 2013). Wong Tze-Ken (2013) mengutarakan bahawa terdapat pelarian Cam dari negara Kemboja dan Vietnam melarikan diri ke Malaysia selepas kejatuhan Phnom Penh dan Saigon (kini Bandar Ho Chi Minh) pada tahun 1975.

Kajian asal usul komuniti Cam menunjukkan hubungan rapat dengan komuniti selatan China purba. Orang Cam membina tamadun terkemuka di Semenanjung Indo-China yang dikenali sebagai “Kerajaan *Lin Yi*” di China semasa Dinasti Han Timur (Tahun SM 25-220), “*Huan Wang*” semasa Dinasti Tang (Tahun 618-907), dan “Campa” semasa Lima Dinasti (907-960) serta Sepuluh Kerajaan (902-979). Menurut catatan sejarah China dan inskripsi Sanskrit di tapak arkeologi Campa, orang Cam menamakan diri mereka Campapura atau Campanagara (Hirth, 1896a).

Dalam kajian tentang komuniti Cam di Hainan, kebanyakan pengkaji menggunakan pendekatan survei yang ditambah dengan kerja lapangan dan kajian perpustakaan. Chao Ju-Kua mengkaji perkembangan kebudayaan Islam di Hainan serta mengajukan hujah tentang penyebaran agama Islam di Pulau Hainan (Hirth, 1896b). Kuwabara (1928) meneliti sejarah Islam di Campa serta penghijrahan orang Islam Cam ke China serta membuktikan Pulau Hainan memainkan peranan penting dalam perkembangan interaksi negara Campa dengan negara-negara Asia Tenggara. Seterusnya, Benedict (1941) menyatakan komuniti Islam di Hainan berasal dari negara Campa, yang mencatatkan penghijrahan masing-masing tahun 982 dan 1471. Oleh itu, komuniti Cam di Hainan hidup dalam persekitaran pelbagai budaya bersama etnik Li, Miao dan Han serta menerima pengaruh agama Islam dalam pelbagai bidang.

Manakala dalam kajian komuniti Cam di Malaysia, Al-Ahmadi (1988) mengkaji perkembangan kebudayaan Cam di Alam Melayu dengan memfokuskan perbincangan pada kepentingan sumber-sumber kesusasteraan seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah*, *Tuhfah al-Nafis* dan *Hikayat Raja-raja Pasai*. Nakamura (2019) pula membincangkan penghijrahan orang Cam Muslim ke Malaysia sebagai pelarian dari Vietnam dan Kemboja pada tahun 1970-an serta integrasi mereka ke dalam komuniti Melayu. Dalam aspek adat resam, Abdullah et al. (2010) meneliti corak kehidupan dan adat resam komuniti Cam yang kental dengan mengekalkan kepentingan ajaran Islam. Siti Nor Awang (2021) menghuraikan hubungan komuniti Cam dengan penduduk-penduduk Melayu berdasarkan bangsa dan agama, terutamanya dalam bidang budaya, termasuk perkahwinan antara raja-raja Campa dengan puteri-puteri Melayu. Farid (2022) pula mengupas perkembangan komuniti Cam di Melaka dan Kelantan yang meliputi aspek bahasa, agama, pendidikan dan peranan wanita. Secara keseluruhan, komuniti Cam di Malaysia terdiri daripada golongan pendatang dari Kemboja dan Vietnam dan lebih banyak menerima pengaruh komuniti Melayu di sekelilingnya. Mereka menunjukkan integrasi dan interaksi dengan budaya Melayu dalam aspek-aspek bahasa, agama, pendidikan, dan peranan wanita.

Berdasarkan tinjauan literatur, komuniti Cam di Malaysia dan China walaupun berkongsi leluhur yang sama, telah membentuk kumpulan diaspora yang berbeza di kedua-dua buah negara. Komuniti Cam di Sanya terpaksa “berunding” (*negotiate*) antara identiti Muslim minoriti dengan dominasi budaya dan identiti *Han*, manakala komuniti di Sungai Buloh mengalami asimilasi penuh dalam arus utama Melayu-Islam. Pemahaman mendalam tentang mekanisme sosiobudaya dan dinamika akulturasi serta asimilasi ini merupakan landasan kritikal untuk menjejaki evolusi budaya mereka. Merujuk lompong kajian, penyelidikan ini bertujuan menganalisis perkembangan sosiobudaya kedua-dua buah komuniti melalui lensa konflik identiti dengan berfokus pada: i) faktor penentu ketahanan identiti berlandaskan konteks geografi dan kebudayaan berbeza, ii) pola adaptasi terhadap tekanan identiti dominan, dan iii) kesan pertembungan terhadap pembentukan identiti hibrid. Secara praktikal, kajian ini menyediakan kerangka pengekal budaya untuk melindungi identiti Cam daripada kepupusan melalui pengukuhan peranan agama Islam sebagai teras nilai dan pandangan hidup masyarakat, disokong dengan pengukuhan simbol identiti seperti bahasa Cam dan pakaian tradisional, perumusan dasar pelestarian khusus berteraskan nilai-nilai Islam, serta peningkatan kesedaran awam tentang kepentingan kepelbagaian identiti dalam arus globalisasi.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menerapkan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian komparatif untuk menerokai faktor pemeliharaan identiti komuniti Cam di Sanya, China dan Sungai Buloh, Malaysia. Pendekatan ini dipilih demi meraih kedalaman kontekstual dalam memahami dinamika sosiobudaya unik kedua-dua buah komuniti, terutamanya bagaimana komuniti minoriti ini menyesuaikan identiti dalam kerangka kebijakan negara dan struktur sosial yang berbeza. Kajian ini berfungsi sebagai: (1) mekanisme kawalan bias interpretasi, (2) dokumentasi pengaruh identiti peneliti dalam interaksi lapangan, dan (3) rekod evolusi pemahaman peneliti sepanjang fasa analisis.

Pengumpulan data dilakukan melalui dua kaedah utama. Pertama, sebanyak 12 sesi temu bual semi-struktur dijalankan dengan enam informan setiap lokasi, menggunakan strategi persampelan bertujuan berdasarkan kriteria keturunan Cam, keterlibatan aktif dalam komuniti, dan kepelbagaian generasi/jantina. Teknik bola salji kemudian digunakan untuk memperoleh peserta relevan, dengan kewaspadaan terhadap risiko kehomogenan sampel melalui verifikasi keragaman profil misalnya usia dan pekerjaan dengan menggunakan data pemerhatian (profil lengkap dalam Lampiran A). Fokus temu bual merangkumi empat dimensi kerangka Budyta-Budzyńska (2011) yang diadaptasi secara kritis untuk kajian pemeliharaan identiti minoriti (Jadual 1), iaitu ekonomi, budaya, sosiopolitik, dan identiti, dengan tambahan dimensi agama serta penekanan pada strategi komuniti mengekalkan identiti berbanding naratif linear integrasi. Kedua, pemerhatian turut serta intensif dilaksanakan selama 15 hari di Sanya (5-20 Jun 2023) dan 15 hari di Sungai Buloh (1-15 Mac 2024). Selain ruang komuniti terstruktur seperti masjid, ritual adat, peneliti sengaja memasuki ruang harian misalnya kedai makan komuniti, interaksi rumah, aktiviti ekonomi mikro untuk meninjau praktik identiti autentik dalam konteks rutin, dengan dokumentasi berstruktur membezakan deskripsi objektif, refleksi emosi dan analisis awal.

Analisis data dilakukan secara manual melalui analisis tematik hibrid berasaskan kerangka adaptasi Budyta-Budzyńska (2011). Proses bermula dengan transkripsi verbatim dan pembacaan mendalam teks. Pengekoden deduktif mengelompokkan data ke dalam lima dimensi kerangka,

sementara pendekatan induktif membenarkan tema baharu muncul secara organik seperti penemuan tema-tema berkaitan. Adaptasi kritikal kerangka dilaksanakan dengan: (1) mentafsir semula tahap “Perpisahan” sebagai strategi pengekal budaya aktif ; (2) mengkaji “Adaptasi” sebagai mekanisme bertahan tanpa kehilangan teras identiti, dan (c) menganalisis “Integrasi” dalam lensa penyesuaian kuasa dengan struktur dominan (Jadual 1). Triangulasi dilakukan dengan membandingkan konsistensi tema merentasi tiga sumber: transkrip temu bual, catatan pemerhatian dan jurnal refleksi peneliti.

JADUAL 1. Kerangka Analisis Strategi Ketahanan Budaya Komuniti Cam di kedua-dua lokasi

| Strategi<br>Dimensi | Strategi Pemeliharaan Identiti<br>(Dominan di Sanya, China)  | Strategi Penyesuaian Kontekstual<br>(Dominan di Sungai Buloh,<br>Malaysia)  | Strategi Negosiasi<br>(Lintas Lokasi)  |
|---------------------|--|---|--|
| Ekonomi             | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memajukan ekonomi pelancongan berasaskan identiti etnik</li> <li>2. Menolak sekatan pekerjaan tidak halal</li> <li>3. Pendapatan stabil melalui perdagangan ASEAN</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bergantung pada pekerjaan berkemahiran rendah (pemandu lori, peniaga)</li> <li>2. Pendapatan terhad golongan B40</li> <li>3. Tiada subsidi kerajaan</li> </ol>              | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Merebut peluang dasar ekonomi zon khas(Sanya)</li> <li>2. Ketiadaan sokongan kewangan(Sungai Buloh)</li> </ol>         |
| Kebudayaan          | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pewarisan bahasa Tsat secara aktif</li> <li>2. Pemeliharaan adat perkahwinan endogami</li> </ol>   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Asimilasi adat resam dengan komuniti Melayu</li> <li>2. Kehilangan bahasa Cam dalam generasi muda</li> <li>3. Penggunaan pakaian tradisional hanya untuk upacara</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Cabaran pendidikan agama di China</li> <li>2. Pengabaian warisan budaya di Malaysia</li> </ol>                         |
| Sosiopolitik        | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Keahlian Parti Komuniti China dengan Pengecualian agama</li> <li>2. Autonomi terbatas</li> </ol>   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. IC merah/biru+Pengundian pasif</li> <li>2. Strategi survival non-konfrontasi</li> </ol>   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perbezaan dasar autonomi etnik</li> <li>2. Ketidaksamaan laluan sumber</li> </ol>                                      |
| Identiti            | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penegasan sempadan etnik (Lebih mengakui keturunan Cam)</li> <li>2. Penolakan label asimilasi</li> <li>3. Kesyukuran identiti generasi</li> </ol>                            | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pembinaan identiti hibrid (Melayu-Cam)</li> <li>2. Asimilasi generasi muda</li> <li>3. Persepsi keserumpunan dengan Melayu</li> </ol>                                       | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perpecahan identiti antara generasi</li> <li>2. Tekanan dasar nasional</li> </ol>                                      |
| Agama               | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kebebasan beribadah dijamin</li> <li>2. Pembinaan masjid autonomi</li> <li>3. Sekatan pendidikan agama formal</li> </ol>   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Amalan agama mengikut norma Melayu</li> <li>2. Pengurusan jenazah oleh institusi Melayu</li> <li>3. Kekurangan sumber budaya</li> </ol>                                     | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sekatan politik terhadap pendidikan Islam(Sanya)</li> <li>2. Ketiadaan mekanisme pemuliharaan(Sungai Buloh)</li> </ol> |

*Sumber: Kerangka ini diinspirasi secara konseptual daripada model asimilasi Budya-Budzyńska (2011) dan telah direkonstruksi sepenuhnya berasaskan: (1) Teori Sempadan Barth (1969) untuk menganalisis mekanisme pemeliharaan identiti;(2) Data empirikal komuniti Cam di Sanya dan Sungai Buloh;(3) Kritikan terhadap keterbatasan model linear dalam konteks minoriti tempatan.*

Tahap akhir melibatkan analisis perbandingan menyeluruh menggunakan matriks untuk menyerlahkan kesan kebijakan negara berbeza misalnya minoriti di China berbanding dengan masyarakat Melayu-Muslim di Malaysia terhadap strategi pemeliharaan identiti; Pola sejangat ketahanan budaya komuniti Cam dan dinamika unik setiap lokasi. Keseluruhan proses didokumentasikan dalam logbook analisis yang mencatatkan keputusan kodifikasi, resolusi bias, dan penggunaan jurnal refleksi untuk menguji ketepatan interpretasi. Protokol etika termasuk persetujuan informan secara lisan atau tulisan, penyimpanan data terkunci, serta anonimisasi semua identiti responden dalam terbitan telah dilaksanakan sepenuhnya, terutamanya



memandangkan sensitiviti kajian minoriti yang merentas negara. Kajian ini telah memperoleh kelulusan etika daripada Sekretariat Etika Penyelidikan UKM (JEP-2024-245) yang menjamin keseluruhan prosedur pengumpulan data, kandungan kajian, dan perlindungan privasi subjek mematuhi piawaian etika kajian.

## DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian menunjukkan komuniti Cam di Hainan dan Sungai Buloh memperlihatkan tahap penyesuaian berbeza dalam komuniti majoriti masing-masing di China dan Malaysia. Walaupun kehidupan sosial mereka bercirikan keharmonian luaran, analisis mendedahkan paradoks: integrasi permukaan berdampingan dengan strategi pemeliharaan identiti yang berbeza. Di Sanya, keharmonian dengan komuniti Han tidak menghalang pengekalan ketat budaya melalui pewarisan bahasa Tsat dan amalan perkahwinan dalam kelompok, manakala di Sungai Buloh, asimilasi dengan norma Melayu tidak menghapuskan kesedaran etnik Cam secara simbolik. Kecenderungan ini dianalisis menerusi teori sempadan Barth (1969) yang menonjolkan mekanisme peneguhan sempadan di Sanya berbanding taktik pengaburan sempadan di Sungai Buloh yang menyaksikan peranan negara atau pemerintah sebagai penentu utama. Berikut dibentangkan dapatan empirikal yang merungkaikan fenomena ini berdasarkan tema kajian.

## DIMENSI EKONOMI

Dalam dimensi ekonomi, komuniti Cam di kedua-dua lokasi menunjukkan strategi pemeliharaan identiti berbeza selaras dengan teori sempadan Barth (1969). Di Sanya, kelebihan geografi sebagai Zon Ekonomi Khas dan Pulau Pelancongan Antarabangsa dimanfaatkan melalui pengomersialan identiti etnik, seperti ditunjukkan berikut:

Saya pernah belajar di Malaysia, boleh bercakap bahasa Melayu dan kini pulang ke kampung halaman, menjadi pemandu pelancong kepada orang Sanya ke Malaysia dan negara-negara ASEAN, saya juga jual produk Malaysia yang halal kepada pelanggan-pelanggan Sanya.

(Informan H1)

Informan H1 memanfaatkan kemahiran bahasa Melayu dan Mandarin untuk mencari rezeki. Aktiviti pelancongan dan perdagangan berkaitan bukan sahaja menjana pendapatan melebihi RMB 6000 sebulan (setara dengan 4000 Ringgit Malaysia) tetapi berfungsi sebagai modal simbolik mengukuhkan jati diri Cam dalam arus pembangunan China.

Sebaliknya, komuniti Cam di Sungai Buloh terpaksa melaksanakan strategi pengaburan sempadan ekonomi akibat peminggiran sistematik. Status kewarganegaraan separa iaitu pemilikan kad pengenalan merah seperti dijelaskan berikut:

Tiada subsidi kerajaan tetap, hanya ambil pendapatan bayaran bulanan sebanyak 3000 Ringgit sebagai pemandu lori dan menghadapi risiko dengan pengangguran.

(Informan S1)

Keadaan ini bukan sahaja menyekat laluan kepada pekerjaan bernilai tambah, malah memaksa penerimaan pekerjaan sektor rendah yang terpisah daripada identiti etnik. Ketiadaan pilihan ini mengakibatkan pengorbanan mobiliti sosial generasi seterusnya – dibuktikan melalui statistik hanya 23 peratus anak mereka berjaya melanjutkan pelajaran mereka ke tahap pengajian

tinggi. Ini merupakan satu bentuk penyesuaian kehidupan yang membawa kesan jangka panjang yang signifikan.

Secara keseluruhannya, situasi ekonomi dalam pencarian kerja bagi komuniti Cam di Hainan dan Sungai Buloh memperlihatkan perbezaan yang signifikan. Komuniti Cam di Sanya berada dalam tahap integrasi dengan pekerjaan profesional tetapi menghadapi kekangan seperti larangan pekerjaan tidak halal. Sebaliknya di Sungai Buloh, pekerjaan mereka tidak terlalu dipengaruhi larangan ini kerana berurusan dengan orang Melayu beragama Islam. Komuniti Cam di Hainan lebih mudah mendapatkan pekerjaan ringan dengan gaji lebih tinggi berbanding rakan serumpun mereka di Sungai Buloh.

Perbezaan strategi pemeliharaan identiti ekonomi komuniti Cam di Sanya dan Sungai Buloh ini memperkukuh teori Barth (1969) bahawa sempadan etnik bukan sekadar warisan statik, tetapi bersifat kecairan (*fluid*) yang dibentuk dan dikendalikan secara aktif melalui interaksi, termasuk interaksi ekonomi. Di Sanya, kemakmuran relatif dan peluang yang diberikan oleh dasar pembangunan wilayah membolehkan komuniti Cam menggunakan identiti etnik secara proaktif sebagai modal ekonomi. Aktiviti pelancongan dan perdagangan menjadi wadah bukan sahaja untuk menjana pendapatan tetapi juga untuk menzahir dan mengukuhkan keunikan budaya Cam dalam konteks pembangunan pesat negara China. Sebaliknya, di Sungai Buloh, peminggiran sistematik natijah dasar kewarganegaraan yang menghina pemegang kad pengenalan merah secara drastik telah mengehadkan pilihan strategi komuniti Cam. Mereka bukan sahaja terhalang daripada menggunakan identiti sebagai aset, malah terpaksa menerima pekerjaan yang memutuskan hubungan antara mata pencarian dan jati diri etnik, suatu bentuk “pengaburan sempadan” yang dipaksakan demi survival. Perbezaan ketara ini menyerlahkan hakikat bahawa strategi pengurusan sempadan etnik sangat dipengaruhi, malah dibentuk oleh struktur politik-ekonomi yang lebih luas di milieu komuniti minoriti itu wujud. Keberkesanan strategi proaktif penduduk Cam Sanya sangat bergantung pada peluang yang dibuka oleh dasar negara, manakala strategi pasif komuniti Cam Sungai Buloh adalah dampak langsung terhadap kekangan struktur yang menindas.

#### DIMENSI KEBUDAYAAN

Kerajaan Campa yang pernah menguasai bahagian tengah Vietnam moden telah mencapai kemuncak kegemilangannya pada sekitar abad ke-9 hingga ke-10 Masihi. Pada zaman kegemilangannya, kerajaan ini merupakan kuasa maritim dan perdagangan yang penting di Asia Tenggara, dengan pelabuhan-pelabuhan sibuk yang menghubungkan China, India, dan Kepulauan Melayu. Catatan sejarah telah menunjukkan pencapaian budayanya sangat mengagumkan, termasuklah pembinaan bangunan kuil bata merah yang megah seperti di My Son sebagai Warisan Dunia UNESCO, perkembangan sistem tulisan Cam yang unik berasaskan bahasa dan tulisan India, serta tradisi seni dan kraftangan yang halus. Kerajaan ini mempunyai warisan budaya unik yang terbina dari abad ke-2 hingga abad ke-17. Namun, disebabkan peperangan dan bencana alam, keturunan komuniti Cam tersebar di seluruh dunia dan membentuk diaspora Cam, termasuk Amerika Syarikat, China, Malaysia, dan Thailand (Mohamad Zain, 2003). Kajian ini memfokuskan perkembangan adat resam, khususnya upacara kelahiran, perkahwinan, dan pengebumian untuk menyerlahkan tahap akulturasi komuniti tersebut.

Data lapangan mendedahkan dinamika akulturasi komuniti Cam dalam dua konteks sosiobudaya berbeza, iaitu minoriti muslim dalam negara China diwakili oleh masyarakat Cam di Hainan dan minoriti dalam komuniti Melayu-muslim dominan di Malaysia diwakili oleh keturunan Cam di Sungai Buloh. Demi memahami pola adaptasi dan cabaran pemeliharaan warisan unik masing-masing, beberapa hasil dapatan antropologi amat penting seperti berikut:

“Sejak saya ingat, kami tiada keistimewaan dalam adat resam seperti perkahwinan, kelahiran, dan pengebumian. Apabila ibu saya meninggal, kami menguruskan pengebumian berdasarkan perintah Imam masjid setempat,”

(Informan S6)

Komuniti Cam di Sungai Buloh, Malaysia, menunjukkan tahap asimilasi yang mendalam terutamanya dalam ritual kehidupan teras. Pernyataan informan S6 secara jelas menunjukkan kehilangan fungsi ritual sebagai penanda identiti etnik yang berbeza. Pengurusan pengebumian yang sepenuhnya mengikut norma masjid tempatan mencerminkan penerimaan struktur budaya Melayu-Islam yang dominan. Pepatah “*di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung*” yang dirujuk informan ini merupakan metafora tepat bagi strategi penyesuaian ini. Walaupun terdapat unsur simbolik keturunan, seperti yang dilaporkan informan S2 mengenai penggunaan “*pakaian gaya Cam semasa sesi pemotretan perkahwinan,*” elemen ini lebih berfungsi sebagai ekspresi nostalgia atau penanda simbolik dalam persembahan budaya untuk dokumentasi, berbanding amalan ritual bermakna yang tertanam dalam struktur upacara itu sendiri yang telah diserap sepenuhnya.

Bagi komuniti Cam di Hainan, China, mereka mempamerkan corak integrasi yang lebih dinamik. Walaupun hidup bersebelahan komuniti *Han* dengan populasi yang besar dan dominan, mereka aktif mengekalkan sempadan komuniti melalui mekanisme utama seperti endogami agama, sebagaimana dinyatakan:

Kebanyakan orang Cam di Hainan mempertahankan keaslian budaya mereka dengan bersikap konservatif dalam perkahwinan, memilih jodoh Cam yang beragama Islam. Cara kami tinggal bersama komuniti Han sangat bagus... Kami diberikan kebebasan untuk mewarisi kebudayaan unik sendiri, dan orang Han menghormati kami.

(Informan H2)

Amalan ini bertindak sebagai benteng bagi memelihara teras identiti keagamaan dan budaya Cam. Hubungan dengan komuniti *Han* digambarkan positif oleh informan H2: Ruang sosial ini membolehkan individu-individu berkembang, seperti yang ditunjukkan informan H4, seorang guru, yang secara aktif “*menjelaskan sebabnya*” kepada pelajar Han apabila dilihat memakai tudung sambil menyatakan dengan kebanggaan bahawa amalannya bertujuan “*menyebarkan kebudayaan unik kami.*” Ini merupakan bentuk penegasan identiti dan ketahanan budaya dalam sistem pendidikan arus perdana di China.

Bahasa muncul sebagai medan penting dalam mengekalkan kesinambungan budaya di kedua-dua lokasi, meskipun mendepani cabaran berbeza. Di Hainan, didapati kesetiaan terhadap bahasa ibunda komuniti Cam, iaitu dialek Tsat sangat kukuh.

Kami rasa sangat penting menggunakan bahasa Tsat dalam kehidupan harian. Kami sebagai ibu bapa juga mengajar dialek Tsat kepada anak-anak... Saya bangga kerana boleh bercakap bahasa Tsat. Namun, oleh sebab mereka masuk tadika atau sekolah yang menggunakan Mandarin, mereka tidak boleh bercakap Tsat dengan lancar.

(Informan H3)

Komitmen terhadap penuturan bahasa dalam keluarga ini menunjukkan kesedaran mendalam tentang peranan dialek Tsat sebagai pembawa identiti dan ingatan kolektif. Namun, sistem pendidikan kebangsaan berbahasa Mandarin mewujudkan dilema dwibahasa yang menyumbang kepada fenomena jurang generasi dalam kemahiran bahasa ibunda. Sementara itu, situasi di Sungai Buloh jauh lebih genting.

Kami sebagai generasi pertama ke Malaysia masih boleh berhubung dalam bahasa Cam. Namun, generasi muda seperti anak dan cucu sudah tidak berminat belajar dan tidak tahu sejarah penghijrahan kami... Aku memang bimbang.

(Informan S5)

Pernyataan ini mendedahkan proses peralihan bahasa yang hampir lengkap dan jurang generasi yang ketara dalam kalangan penduduk keturunan Cam Sungai Buloh. Ketiadaan minat generasi muda terhadap naratif sejarah penghijrahan orang Cam bukan sekadar berpotensi menyebabkan kehilangan bahasa, malah memutuskan hubungan mereka dengan teras identiti kolektif. Jika keadaan ini berterusan, maka sudah tentu membawa ancaman kepupusan warisan budaya Cam. Perbezaan dalam trajektori akulturasi ini sangat dipengaruhi oleh konteks struktur politik dan dasar yang membentuk persekitaran sosiopolitik komuniti. Di Hainan, “*dasar parti pemerintah yang tidak membenarkan pembangunan institut pendidikan khas bagi mengekalkan pendidikan agama Islam*” merupakan halangan struktur utama yang mengehadkan kapasiti komuniti Cam untuk membina institusi formal pengukuhan budaya dan agama di luar skop keluarga dan masjid. Kekangan struktur ini seterusnya mempertingkatkan rintangan dalam transisi budaya, terutamanya dalam pembelajaran bahasa ibunda. Sebaliknya, di Sungai Buloh, ketiadaan pengiktirafan rasmi sebagai kelompok minoriti unik dalam kerangka politik Malaysia yang berteraskan kaum Melayu dan agama Islam, disertai kepincangan sokongan institusi khusus seperti program pemuliharaan bahasa atau pendidikan sejarah komuniti telah mewujudkan persekitaran homogenisasi yang dominan. Ketiadaan struktur-struktur sokongan ini secara efektif didapati telah mempercepat proses asimilasi dan kepupusan bahasa Cam seperti yang didokumentasikan dalam kajian ini.

Sebagai rumusan, komuniti Cam di Hainan dan Sungai Buloh mengalami tahap akulturasi yang berbeza secara fundamental. Di Hainan, penerapan strategi integratif endogami agama, penyampaian bahasa dalam keluarga serta tindakan agensi individu seperti promosi budaya dalam pendidikan telah berjaya mempertahankan identiti Cam teras mereka meskipun berhadapan dengan kekangan struktur pendidikan kebangsaan. Sebaliknya, komuniti Cam Sungai Buloh menunjukkan corak asimilasi struktur yang lebih mendalam, terutamanya dalam penghayatan ritual kehidupan harian dan kepupusan bahasa yang membimbangkan. Fenomena ini dipacu oleh tekanan sosiobudaya yang memperlihatkan proses homogenisasi dan kepincangan institusi-institusi sokongan. Penggunaan unsur simbolik seperti pakaian tradisional dalam fotografi perkahwinan tidak mencukupi bagi menjamin kesinambungan budaya kepada generasi muda. Kelestarian jangka panjang warisan unik Cam di kedua-dua lokasi bergantung pada kapasiti komuniti untuk terus “berunding” atau bernegosiasi dalam kerangka batasan struktur sedia ada dengan penekanan fokus kritikal terhadap pertahanan bahasa dan amalan ritual sebagai intipati identiti kolektif mereka.

#### DIMENSI SOSIOPOLITIK

Fenomena penghijrahan merupakan proses kompleks yang merangkumi interaksi ekonomi, politik dan sosial, sekaligus membentuk posisi kedudukan terpinggir komuniti migran dalam hierarki negara penerima (Alesina & Tabellini, 2024). Kehadiran mereka sering mencetuskan persaingan sumber seperti pekerjaan dan negosiasi ruang budaya, sementara penyertaan dalam aktiviti sosiopolitik menjadi penanda kritikal kepada tahap asimilasi.

Perbandingan sistem pemerintahan negara Malaysia dan China mendedahkan kontras struktural yang membentuk ruang pergerakan komuniti ini. Di Sanya, hak mengundi wakil dalam jawatankuasa politik setempat membuka saluran institusi untuk perwakilan kolektif. Sementara di

Sungai Buloh, diskriminasi kewarganegaraan berlandaskan kad pengenalan merah untuk generasi pertama dan biru untuk generasi kedua. Ini mencerminkan politik pengiktirafan bersyarat yang mencipta hierarki kewarganegaraan.

Data etnografi melalui temu bual mendalam mendedahkan strategi perundingan yang berbeza. Informan H4 di Sanya menyatakan sikap pragmatik:

Saya tidak mempedulikan konflik politik dalam negara... namun sokongan kami bersyarat pada kemampuan kerajaan memenuhi keperluan hidup.

(Informan H4)

Pernyataan ini menunjukkan integrasi fungsional melalui pendekatan utilitarian yang memperlihatkan keanggotaan dalam Parti Komunis China atau PKC (seperti dialami Informan H3) berfungsi sebagai mekanisme pembudayaan berinstitusi yang merupakan suatu paradoks ketika anggota Parti Komunis China diberikan pengecualian khusus untuk menjalankan ibadah Islam.

Di Sungai Buloh, pernyataan informan di bawah sebagai generasi kedua mencerminkan transformasi identiti:

Perkahwinan campur dengan suami Indonesia memperkukuh status kami sebagai rakyat Malaysia.

(Informan S3)

Pilihan ini merupakan taktik asimilasi struktural untuk mengakses hak istimewa Bumiputera di bawah dasar “Kaum Melayu Diutamakan”, sekaligus mengorbankan keterikatan dengan akar budaya Cam. Fenomena ini menunjukkan bagaimana perkahwinan menjadi medan pertukaran simbolik antara modal budaya dan hak sivil.

Krisis legitimasi pemerintah muncul sebagai garisan merah yang merentasi komuniti, namun dengan manifestasi berbeza. Keluhan Informan S4 di Sungai Buloh “*Tiada bantuan pasca-COVID, kami diabaikan*”. Ini mencerminkan keterputusan kontrak sosial yang mengukuhkan kedudukan subaltern. Sebaliknya di Sanya, kemampuan komuniti Cam merayakan Aidilfitri dengan penglibatan aktif komuniti Han menunjukkan kapasiti transformasi ritual menjadi diplomasi kebudayaan, suatu strategi yang memperkuat penglihatan sosial mereka.

Perbezaan asas terletak pada politik perwakilan budaya. Komuniti Cam di Sanya mencapai bentuk hibridisasi terkawal melalui tiga saluran: (1) enklaf institusi seperti keahlian PKC yang menyediakan akses kepada kuasa pusat, (2) legitimasi ritual dalam ruang awam sebagai modal simbolik, dan (3) strategi kompromi terpilih dengan negara. Manakala di Sungai Buloh, masyarakat Cam terjerat dalam asimilasi struktur disebabkan tiga faktor: Hegemoni politik Bumiputera yang meminggirkan sifat autoriti, ketiadaan ruang suci untuk pembiakan budaya seperti ritual dikomoditikan menjadi simbol semata-mata dalam foto perkahwinan, dan perkahwinan campur sebagai kehidupan ekonomi yang mempercepatkan pelepasan identiti.

Secara teoretikal, kontras ini membuktikan tesis Frederick Barth (1969) bahwa ketahanan identiti bergantung pada kapasiti komuniti mentransformasikan sempadan struktural menjadi medan agensi. Komuniti Cam Sanya berhasil mencipta sempadan politik yang menyaksikan batas etnik dipertahankan melalui negosiasi dengan kuasa negara. Sebaliknya, Komuniti Cam Sungai Buloh mengalami pemudaran sempadan kebudayaan akibat tekanan struktur yang tidak menyediakan ruang rundingan.

## DIMENSI IDENTITI DAN AGAMA

Identiti etnik merupakan aspek yang berkait rapat dengan psikologi dan sosiologi, sementara agama berfungsi sebagai kerangka aktiviti yang mengukuhkan sempadan simbolik komuniti. Identiti etnik memiliki definisi istimewa dengan keanggotaan kumpulan etnik ditentukan oleh ciri-ciri yang dikaitkan dengan etnik atau hubungan asal-usul etnik seseorang. Identiti seseorang ditentukan oleh hubungan keturunannya dalam etnik tersebut (Chandra, 2006). Selain itu, identiti etnik melibatkan konsep pautan secara spesifik individu cenderung berkumpul dengan mereka yang memiliki persamaan dalam warna kulit, bahasa, agama, suku, kaum, kebangsaan, dan kasta (Horowitz, 1985). Dengan kata lain, identiti etnik merupakan konsep yang tidak hanya terbatas pada individu, tetapi juga melibatkan komuniti dan perasaan kekitaan bersama. Data etnografi dalam kajian ini mendedahkan pola berbeza dalam pengurusan sempadan identiti (*boundary management*). Identiti etnik dan agama membentuk sistem saling terkait yang menjadi teras ketahanan budaya minoriti. Sementara Agama menyediakan mekanisme praktikal seperti ritual dan institusi keagamaan untuk mempertahankan batas kelompok (Barth, 1969).

Interaksi para penduduk Cam Sanya dengan komuniti Han kini lebih terbuka, tetapi mereka mengekalkan keistimewaan identiti melalui endogami dan ritual agama.

(Informan H4)

Pernyataan ini mencerminkan strategi demarkasi simbolik selaras teori Barth (1969) dengan batas etnik dipertahankan melalui amalan budaya meskipun integrasi sosial berlaku. Sebaliknya di Sungai Buloh, naratif Informan S5 seperti “Sebagai peniaga, saya membina hubungan komersial erat dengan pelanggan Melayu. Kami rasa tiada jurang penting” menunjukkan asimilasi fungsional (*functional assimilation*) yang berpotensi mengaburi penanda etnik jangka panjang. Data etnografi mendedahkan pola berbeza dalam pengurusan sempadan melalui identiti dan agama.

Proses migrasi mencipta fasa batasan yang mencabar kesinambungan identiti. Komuniti Cam Hainan didapati mengalami amnesia terpilih terhadap asal-usul Campa, namun mereka mempertahankan penanda-penanda lembut seperti adat resam dan tabiat harian sebagai teras identiti. Sementara di Sungai Buloh, berlaku hibridasi involunter melalui: (1) perkahwinan campur sebagai strategi mobiliti sosial, (2) transformasi ritual menjadi komoditi (*commodification of rituals*), dan (3) transmisi identiti cair (*fluid identity*) kepada generasi muda.

Perbezaan temporal dan struktural yang demikian membentuk trajektori berbeza. Generasi ke-4 komuniti Cam Hainan mengamalkan interaksi terkawal dengan kelompok dominan dan didukung transmisi budaya melalui keluarga dan institusi agama. Orientasi mereka bersifat dwikesetiaan terhadap identiti Cam dan kewarganegaraan China. Sebaliknya di Sungai Buloh kalangan Cam generasi ke-2 menzahirkan asimilasi organik berlaku akibat interaksi intensif dan mempamerkan transmisi budaya fragmentari serta orientasi transformasi etnik ke identiti Melayu-Cam di bawah tekanan dasar “Kaum Melayu Diutamakan”.

Dapatan kajian turut menyerlahkan komuniti Sungai Buloh menghadapi paradoks integrasi: “Generasi muda gembira berasimilasi dengan Melayu, tetapi kami sedar ini ada risiko kehilangan kebudayaan unik sendiri” (Informan S6). Kecenderungan ini mencerminkan realiti dengan pengorbanan identiti menjadi prasyarat mobiliti sosial dalam kerangka politik homogenisasi. Pertama, identiti etnik bersifat dinamik-kontekstual (*dynamic-contextual*) dan bukan entiti statik. Kedua, ketahanan identiti bergantung pada keupayaan komuniti mencipta ruang reproduksi budaya dalam kalangan Cam Hainan dan negosiasi sempadan simbolik keturunan Cam Sungai Buloh. Ketiga, ancaman utama ialah terputusnya pewarisan ritual agama dan bahasa sebagai unsur kunci kepada pengekal identiti.

## PERBINCANGAN

Berdasarkan perspektif antropologi, pengukuhan kumpulan etnik merupakan proses dinamik untuk mewujudkan sempadan budaya melalui penegasan penanda simbolik (Barth, 1969). Kajian ini mendedahkan komuniti Cam di Hainan dan Selangor mengamalkan strategi pemeliharaan sempadan berbeza. Di Hainan, ketahanan identiti Cam dicapai melalui pengkomersialan identiti yang ditunjukkan dengan aktiviti pelancongan halal (Informan H1) sebagai mekanisme pengekalan sempadan. Di Selangor, pengaburan sempadan kumpulan Cam berlaku akibat tekanan struktur misalnya ditunjukkan oleh penerimaan pekerjaan sektor rendah (Informan S1) yang melemahkan identifikasi etnik.

Teori pengurusan sempadan etnik Barth (1969) menawarkan lensa analisis lebih relevan untuk memahami dinamika komuniti Cam di Hainan dan Selangor. Teori ini menekankan: (1) Etnik sebagai proses negosiasi berterusan, bukan evolusi bertahap; (2) Ketahanan identiti bergantung pada kapasiti mengubah sempadan menjadi sumber kuasa; (3) Interaksi antara kelompok berbeza bukan jalan ke asimilasi tetapi merupakan medan reproduksi perbezaan. Berdasarkan perspektif antropologi Barth (1969), identifikasi etnik bukanlah entiti statik yang ditentukan semata-mata oleh keturunan atau budaya prawujud, melainkan suatu proses dinamik yang berterusan. Proses ini dimediasi melalui tindakan mewujudkan dan mengekalkan sempadan budaya, terutamanya dengan menegaskan penanda simbolik yang membezakan “kita” dengan “mereka”. Kajian terhadap komuniti Cam di Hainan dan Selangor ini memberikan gambaran nyata tentang bagaimana sempadan etnik ini diurus secara berbeza dalam konteks sosiopolitik yang berbeza, sekaligus menguji dan memperkaya kerangka teori Barth.

Perbezaan dasar dalam dinamika pengukuhan atau pencairan etnik komuniti Cam di Hainan dan Selangor tidak terpisah daripada konteks sosio-politik-ekonomi spesifik yang membentuk ruang gerak strategi pengurusan sempadan mereka. Di Hainan, kerangka sistem sosialis China dengan kebijakan autonomi etnik tertentu menyediakan landasan institusional yang melindungi hak budaya dan agama minoriti Cam. Kebebasan mengamalkan Islam, membina masjid, dan bahkan mengkomersialkan identiti melalui pelancongan halal, mencerminkan bagaimana sempadan etnik diiktiraf dan diurus secara autonomi. Pengiktirafan ini, ditambah dengan sejarah penempatan yang panjang dan penguasaan ruang ekonomi khusus seperti kemahiran perniagaan, terutama dalam kelompok wanita, membolehkan komuniti Cam Hainan menegaskan “sempadan etnik” mereka bukan hanya terhadap majoriti Han, tetapi juga terhadap kelompok Muslim lain seperti Hui dari Tanah Besar China. Mereka aktif membina penanda simbolik unik misalnya dialek Tsat, sejarah Campa, amalan ekonomi atau cara hidup tertentu yang menjadi aset dalam ekonomi pelancongan dan alat pengekalan identiti. Walaupun terdapat dorongan nasional untuk “penggabungan budaya”, konteks di Hainan membenarkan akomodasi berasaskan pemeliharaan identiti iaitu hidup secara relatif terpencil dan mengekalkan dialek, sambil berinteraksi dengan kumpulan Han dominan pada tahap simbolik yang diperlukan.

Sebaliknya, komuniti Cam di Sungai Buloh, Selangor, bermastautin dan menjalani kehidupan dalam konteks selepas tempoh kolonial Malaysia yang dicirikan oleh hierarki etnik yang kukuh dan dominasi politik-budaya kelompok Melayu-Muslim sebagai “serumpun”. Walaupun status agama Islam yang sama memberikan legitimasi dan peluang tertentu (perlindungan kerajaan, peluang perniagaan, penggunaan bahasa Khmer di ruang tertentu), ia turut mencipta tekanan asimilasi yang kuat. Kedatangan mereka yang relatif baru dengan kurang daripada 30 tahun sebagai penghijrah ekonomi dan disebabkan oleh “faktor tarikan” untuk mendapat pekerjaan/kehidupan lebih baik. Keadaan ini menempatkan mereka pada kedudukan sosioekonomi

yang agak daif, merupakan golongan B40, masih sewa rumah dan membuat pekerjaan tidak stabil (Farid, 2022). Konteks struktur ini – ketiadaan sistem pemerintahan khas untuk mereka, persaingan sengit dalam pasaran buruh sektor rendah dengan kelompok lain, dan keperluan mendesak untuk integrasi sosial dan ekonomi. Ini sangat membatasi kapasiti mereka untuk menegaskan penanda simbolik budaya Cam yang memerlukan sumber masa, wang dan tenaga. Interaksi tinggi dan perkahwinan campur dengan kaum Melayu menjadi saluran utama mobiliti sosial, tetapi juga mempercepatkan pengaburan sempadan etnik mereka. Seperti yang ditunjukkan dalam fenomena pemilihan agama mengatasi pemilihan etnik yang berlaku dalam kalangan minoriti Cina Muslim di rantau ini (Ma, 2007), Islam menjadi penanda simbolik dominan dan lebih berperanan bagi komuniti Cam Selangor. Kecenderungan ini berlaku agar mereka dapat diterima dalam kelompok Melayu majoriti yang “serumpun” dengan mereka dan ini sering kali mengatasi keperluan untuk mengekalkan penanda etnik Cam yang bersifat spesifik. Ini menjelaskan mengapa tahap asimilasi kalangan generasi muda jauh lebih mendalam walaupun tempoh penempatan lebih singkat berbanding dengan komuniti Cam Hainan.

Pola pengaburan dan pencairan sempadan etnik komuniti Cam di Selangor sejajar dengan fenomena luas di Asia Tenggara, khususnya dalam konteks minoriti Muslim yang berasimilasi dengan majoriti peribumi Muslim. Tampaknya pemilihan agama ternyata mengatasi pemilihan etnik dan ini menjadi mekanisme penting untuk adaptasi dan survival kumpulan etnik minoriti: Di Indonesia dan Malaysia, ketiadaan jurang agama antara minoriti Cina dengan majoriti Muslim peribumi mempercepat proses asimilasi ke dalam kelompok dominan. Dalam dinamika ini, kesamaan agama Islam berfungsi sebagai penanda simbolik signifikan yang lebih efektif dan mudah dimasukkan berbanding penanda etnik Cina, sehingga melunturkan benteng perbezaan etnik dan memudahkan integrasi ke dalam majoriti Muslim.

Fenomena ini menjelaskan kepentingan hierarki penanda simbolik dalam “perundingan” sempadan etnik. Penanda agama mampu mengungguli penanda etnik atau keturunan dalam daya integrasi dan daya tarik sosiopolitik. Bagi komuniti Cam di Selangor yang juga menganut Islam, tekanan struktur sosioekonomi mendorong penekanan strategik pada penanda keislaman bersama majoriti Melayu yang merupakan suatu penanda yang lebih berkesan dan rendah risiko berbanding penanda budaya Cam yang spesifik. Pergeseran simbolik ini menyumbang secara material kepada pengaburan dan pencairan sempadan etnik mereka. Hasil kajian ini membuktikan bahawa agama berpotensi menjadi penanda pengganti atau penanda dominan yang mengatasi etnisiti dalam proses perundingan identiti, terutamanya apabila ia menyediakan akses kepada sumber material dan penerimaan sosial.

Perbezaan ketara dalam strategi pengurusan sempadan antara komuniti Cam di Hainan dan Selangor ini dengan jelas menyokong premis asas Barth, yakni interaksi antara kelompok yang berbeza bukanlah laluan linear ke arah asimilasi tetapi merupakan medan reproduksi perbezaan. Namun, hasil reproduksi ini yang mengandungi penegasan atau pengaburan sempadan etnik sangat bergantung pada konteks spesifik interaksi itu berlaku. Di Hainan, konteks yang relatif longgar mungkin disebabkan oleh dasar autonomi wilayah atau nilai pelancongan budaya didapati membolehkan komuniti Cam secara strategik menggunakan identiti mereka sebagai sumber kuasa. Di Selangor, konteks struktur yang menekan seperti hierarki ekonomi-etnik, dasar kebangsaan, tekanan asimilasi budaya telah mengekang kapasiti komuniti Cam untuk menegaskan penanda perbezaan mereka, sehingga medan interaksi itu lebih cenderung menghasilkan pengaburan dan pencairan sempadan etnik. Kesimpulannya, kajian ini bukan sahaja mengesahkan sifat dinamik dalam proses perundingan etnisiti seperti yang diujahkan Barth tetapi juga menonjolkan kepentingan kritikal konteks struktur politik, ekonomi, dan sosial dalam membentuk kapasiti



sesuatu kelompok untuk mengurus sempadan etniknya secara berkesan dan menentukan sama ada sempadan itu akan menjadi sumber kuasa atau sumber kerentanan.

Komuniti Cam di Sungai Buloh Selangor merupakan penghijrah ekonomi generasi kedua yang didorong oleh “faktor tarikan” seperti peluang pekerjaan dan taraf hidup lebih tinggi (Urbański, 2022). Namun, realiti menunjukkan majoriti mereka kekal dalam kelompok B40, tinggal di rumah sewa, dan bergantung pada pekerjaan tidak stabil. Ketidakstabilan sosioekonomi ini secara langsung menghalang pelaksanaan aktiviti pemeliharaan budaya yang memerlukan sumber kewangan dan masa. Berbeza di Hainan, penguasaan ruang ekonomi melalui pelancongan halal bukan sahaja menjamin kehidupan sederhana kelompok Cam tetapi juga menjadikan budaya etnik sebagai modal ekonomi, iaitu berjaya menjana suatu bentuk “sempadan simbolik yang produktif” (Barth, 1969).

Di Selangor, generasi Cam pertama masih mengekalkan kesedaran etnik melalui ingatan kolektif. Namun, tekanan integrasi segera (persaingan pekerjaan, keperluan menguasai Bahasa Melayu) dan interaksi harian yang intensif dengan majoriti Melayu menyebabkan generasi kedua dan ketiga mengalami asimilasi struktural dan budaya mendalam. Pengetahuan tentang negara Campa merosot menjadi sekadar kesedaran tentang keturunan dan tidak disokong oleh amalan budaya Cam yang aktif. Pola ini seiring dengan teori asimilasi *straight-line assimilation* (Warner & Srole, 1945) yang mengagagakan mobiliti sosial dicapai melalui penerimaan norma majoriti. Sebaliknya di Hainan, pengasingan relatif (kurang interaksi dengan Han) dan autonomi budaya telah membolehkan transmisi penuh dialek Tsat dan amalan budaya Cam, yang lantas menjadikan identiti Cam sebagai “sumber kuasa”.

JADUAL 2. Perbandingan Dimensi Kritikal Komuniti Cam Berdasarkan Teori Barth (1969)

| Tempat                    | Hainan  | Selangor   |
|---------------------------|---|--|
| <b>Dimensi</b>            |   |  |
| Ekonomi                   | Penguasaan niche ekonomi melalui pengkomersialan identiti (pelancongan halal). Kehidupan stabil dalam ekosistem autonomi. | Kedudukan B40; pekerjaan tidak stabil dalam sektor rendah. Ketergantungan pada ekonomi subsisten.                                |
| Budaya                    | Pengekalan aktif dialek Tsat & amalan budaya melalui mekanisme pelancongan. Transmisi generasi penuh.                     | Pengaburan sempadan: Penekanan pada Islam sebagai penanda majoriti bersama. Generasi muda hilang kelancaran bahasa/amalan Cam.   |
| Sosiopolitik              | Autonomi terinstitusionalisasi (perlindungan agama/budaya). Interaksi terhad dengan Han.                                  | Tiada perlindungan khusus; tekanan asimilasi organik melalui interaksi harian & perkahwinan campur.                              |
| Identiti                  | Sempadan etnik jelas (“kita” berbanding Hui/Han). Identiti sebagai sumber kuasa & kebanggaan.                             | Asimilasi struktural generasi muda. Identiti Cam terhad kepada keturunan tanpa amalan budaya.                                    |
| Strategi Sempadan (Barth) | Penegasan sempadan: Mengubah penanda budaya (masakan, adat) menjadi modal ekonomi.  | Pengaburan sempadan: Mengutamakan penanda agama Islam yang fungsional untuk mobiliti sosial.                                     |
| Konteks Struktur Penentu  | Sistem sosialis + autonomi etnik. Sejarah penempatan panjang. Kuasa ekonomi niche.  | Hierarki etnik kukuh. Status penghijrah baharu dengan kurang daripada 50 tahun. Kedudukan B40. Tekanan asimilasi Melayu-dominan. |

Perbezaan ketara dapat dikenal pasti dalam dimensi sosiopolitik yang menjadi pemangkin utama jurang perkembangan: Di Hainan, kerangka autonomi etnik di bawah sistem sosialis China menyediakan perlindungan institusi misalnya kebebasan beragama dan pembinaan masjid, sementara juga ruang agensi untuk mentransformasikan penanda budaya (dialek, masakan, seni

bina) telah menjadi aset ekonomi pelancongan komuniti Cam. Sebaliknya di Selangor, ketiadaan dasar khusus bagi minoriti “serumpun” mencipta paradoks yang memperlihatkan status Islam bersama memberikan legitimasi agama tetapi gagal menyediakan perisai budaya, mendedahkan komuniti Cam kepada tekanan asimilasi organik melalui pasaran buruh dan perkahwinan campur tanpa penampungan institusi. Kontras ini membuktikan gagasan Barth (1969), iaitu keberkesanan strategi pemeliharaan sempadan (*boundary maintenance*) bergantung pada kapasiti transformasi penanda simbolik menjadi sumber. Konteks di Hainan membolehkan transformasi budaya menjadi modal ekonomi manakala konteks di Selangor menjadikan penanda budaya Cam sebagai liabiliti dan keadaan ini mendorong penerapan strategi pragmatik yang menyaksikan penggunaan penanda agama Islam berperanan secara fungsional demi mencapai mobiliti sosial.

## KESIMPULAN

Kajian perbandingan komuniti Cam di Sanya, Hainan dan Sungai Buloh, Selangor ini mendedahkan corak kompleks ketahanan budaya dan transformasi identiti dalam konteks diaspora. Walaupun Kerajaan Campa kuno telah lenyap tetapi intipati budayanya yang merangkumi bahasa, seni, nilai, dan terutamanya agama Islam dan tidak hanya bertahan malah terus berkembang melalui migrasi. Di kedua-dua lokasi kajian, proses penghijrahan telah menjadi saluran kritikal untuk pemeliharaan warisan, antaranya unsur-unsur budaya Campa dihidupkan semula dan disesuaikan dengan persekitaran sosiopolitik baharu. Agama Islam berfungsi sebagai teras identiti yang menyatukan, memberikan kerangka moral dan ritual demi mengukuhkan kohesi komuniti sambil membentuk interaksi dengan budaya majoriti tempatan.

Penemuan perbandingan ini membongkar tiga kelemahan teori asimilasi konvensional: Pertama, komuniti kecil seperti Cam Sanya mampu mempertahankan identiti budaya melalui pengurusan ruang keagamaan seperti penguasaan masjid, memberi pendidikan agama kepada generasi muda serta melaksanakan adat perkahwinan sendiri. Kedua, tempoh penempatan panjang bukan penghalang kelangsungan budaya kalau disertai mekanisme penjagaan tradisi yang berterusan. Ketiga, autonomi keagamaan berjaya mengubah ancaman saiz kecil dan pendedahan masa panjang menjadi kekuatan ketahanan. Transformasi ini melahirkan Model Kelangsungan Berasaskan Autonomi Keagamaan yang menekankan dua prinsip utama: ruang keagamaan berdaulat berfungsi sebagai pelindung budaya, dan pengurusan institusi oleh komuniti sendiri mampu membalikkan tekanan asimilasi. Implikasi praktisnya meliputi dasar pemulihan budaya peribumi, pengurusan komuniti minoriti, dan reka bentuk masyarakat majmuk dengan autonomi institusi sebagai teras ketahanan budaya, bukan integrasi paksa.

Pertembungan dan penyelarasan identiti komuniti Cam di Sanya dan Sungai Buloh menghasilkan dinamika yang berbeza namun saling berkaitan. Di Sanya, komuniti Cam dikenali sebagai Utsat mampu berinteraksi dengan budaya Hainan dan arus pembangunan China, menyesuaikan tradisi tanpa kehilangan asas keislaman mereka. Manakala di Sungai Buloh, kedekatan geografi dan budaya dengan Melayu-Muslim Malaysia memudahkan integrasi, tetapi juga mencabar pengekalannya keunikan budaya Cam seperti bahasa Cam dan seni tradisional. Migrasi bukan sekadar pemindahan pasif tetapi ruang aktif dengan generasi muda mentafsir semula warisan melalui pendidikan, perkahwinan campur, dan media digital, menjadikan transmisi budaya sebagai proses perhubungan bersifat kreatif dan interaktif. Tambahan pula, penemuan ini membawa implikasi penting: pemuliharaan identiti minoriti memerlukan lebih daripada sekadar bilangan ahli, tetapi pemupukan ruang keagamaan berautonomi yang mampu menapis pengaruh luar sambil mengukuhkan tradisi dalaman.

Pendekatan etnografi kajian ini menonjolkan bagaimana bidang antropologi menyumbang kepada ilmu sejagat dengan mendedahkan dimensi universal pengalaman manusia: desakan untuk memelihara identiti kolektif sambil beradaptasi dengan perubahan global. Komuniti Cam di kedua-dua lokasi menunjukkan bahawa “kepuasan” politik tidak bermakna kelenyapan budaya; sebaliknya, diaspora menjadi tapak penajaan semula dinamik yang menzahirkan nilai-nilai orang Cam disintesis dengan realiti kontemporari. Proses ini bukan sahaja memperkaya warisan kemanusiaan sejagat tetapi juga menawarkan model untuk memahami ketegaran (*resilience*) kelompok minoriti dalam konteks nasional yang pelbagai.

Akhirnya, kajian ini menegaskan bahawa masa depan budaya Cam terletak pada kapasitinya untuk bernegosiasi dalam pertembungan identiti. Interaksi dengan masyarakat majoriti, pengaruh ekonomi, dan jaringan transnasional membentuk identiti Cam yang cair namun berakar. Pemahaman mendalam tentang mekanisme ini—melalui lensa perbandingan Sanya-Sungai Buloh—bukan sekadar memetakan sejarah, tetapi membuka jalan bagi pembinaan masa depan yang menunjukkan pertukaran budaya terus menjadi pemangkin kepada perkembangan manusia yang inklusif dan beretika.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan tertinggi kepada para informan, khususnya Encik Malek di Sungai Buloh dan Encik Chen Yijiang di Sanya, yang telah memberi bantuan dengan ikhlas. Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia dan sahabat yang telah bersama-sama berkongsi idea dalam penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- Abdullah, F., Musa, M. Z., & Zain, F. M. (2010). Perkahwinan dan keluarga dalam masyarakat Cam. *SARI: Jurnal Alam Dan Tamadun Melayu*, 28(2), 155–173.
- Al-Ahmadi, A. R. (1988). Campa dengan Alam Melayu. *Alam Melayu: Sejarah Dan Kebudayaan Campa*, 73–102.
- Aljunied, K., & Khan, A. (2022). Psycho-pious motivations and Muslim migration to the west: The case of Singaporean Malay-Muslims in Melbourne, Australia. *Akademika*, 92(1), 209-220.
- Alesina, A., & Tabellini, M. (2024). The Political Effects of Immigration: Culture or Economics? *Journal of Economic Literature*, 62(1), 5–46. <https://doi.org/10.1257/jel.20221643>
- Andaya, L. Y. (2010). *Leaves of the same tree: Trade and ethnicity in the Straits of Melaka*. NUS Press.
- Benedict, P. K. (1941). A Cham Colony on The Island of Hainan. *Harvard Journal of Asiatic Studies*, 6(2), 129. <https://doi.org/10.2307/2718005>
- Chandra, K. (2006). WHAT IS ETHNIC IDENTITY AND DOES IT MATTER? *Annual Review of Political Science*, 9(1), 397–424. <https://doi.org/10.1146/annurev.polisci.9.062404.170715>
- Farid, M. Z. (2022). *Sejarah dan budaya masyarakat CAM di Kemboja dan Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gordon, M. M. (1988). *Assimilation in American life: The role of race, religion, and national origins* (28. print). Oxford Univ. Press.
- Guo, X. (2013). *Lost Civilization: A Study of Hans Stubel's Ethnography of Hainan Island* (1st ed.). Wuhan da xue chu ban she.
- He, G., Fan, Z., Zou, X., Deng, X., Yeh, H., Wang, Z., Liu, J., Xu, Q., Chen, L., Deng, X., Wang, C., Liu, C., Wang, M., & Liu, C. (2023). Demographic model and biological adaptation inferred from the

- genome-wide single nucleotide polymorphism data reveal tripartite origins of southernmost Chinese Huis. *American Journal of Biological Anthropology*, 180(3), 488–505. <https://doi.org/10.1002/ajpa.24672>
- Hirth, F. (1896a). Art. III.—Chao Ju-kua, a new source of Mediæval Geography. *Journal of the Royal Asiatic Society of Great Britain & Ireland*, 28(1), 57–82. <https://doi.org/10.1017/S0035869X0002342X>
- Hirth, F. (1896b). Art. XII.—Chao Ju-kua's Ethnography: Table of Contents and Extracts regarding Ceylon and India, and some Articles of Trade. *Journal of the Royal Asiatic Society*, 28(3), 477–507. <https://doi.org/10.1017/S0035869X0014537X>
- Horowitz, D. L. (1985). *Ethnic groups in conflict*. Univ. of California Press.
- Kuwabara, J. (1928). *On P'u Shou-kêng: A man of the Western Regions, who was the superintendent of the Trading Ships' Office in Ch'üan-chou towards the end of the Sung dynasty, together with a general sketch of trade of the Arabs in China during the T'ang and Sung eras*. Tōyō Bunko. <https://books.google.com.my/books?id=ZhUXMwEACAAJ>
- Lei, M. (2022, December 12). 400 keturunan Hu Xianma Guangdong berkumpul di Taiping untuk mengeratkan hubungan dan mengukuhkan sejarah keluarga. *Oriental Daily*. <https://www.orientaldaily.com.my/news/perak/2022/12/12/533217>
- Lockhart, B. M. (2011). *Colonial and Post-colonial constructions of 'Champa'*. NUS Press.
- Ma, Rosey Wang. (2007). Hui, Ho, and New Brothers: The Chinese Muslim Diaspora in Maritime Asia. In Suryadinata, Leo (ed.). *Chinese Diaspora since Admiral Zheng He with Soecial Reference to Maritime Asia*. Singapore: Chinese Heritage Centre, pp. 227-245.
- Mohamad Zain, bin M. (2003). *Masyarakat Cam sepanjang zaman* (Cet. 1). Ikatan Ahli-Ahli Arkeologi Malaysia.
- Nakamura, R. (2019). Becoming Malay: The Politics of the Cham Migration to Malaysia. *Studies in Ethnicity and Nationalism*, 19(3), 289–306. <https://doi.org/10.1111/sena.12305>
- Rahman, R. A. (2019). *KESEPADUAN SOSIOBUDAYA DALAM KEPELBAGAIAN MASYARAKAT*.
- Siti Nor Awang. (2021). *The Orang Kemboja of East Coast of Peninsular Malaysia*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Urbański, M. (2022). Comparing Push and Pull Factors Affecting Migration. *Economies*, 10(1), 21. <https://doi.org/10.3390/economies10010021>
- Wan Hashim, W. T. (2013). *Rumpun Melayu: Teori migrasi dan diaspora*. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Warner, W. L., & Srole, L. (1945). *The social systems of American ethnic groups*. Yale University Press.
- Wang, X. (2008). *Hai Nan Hui Zu De Li Shi Yu Wen Hua*(Sejarah dan Kebudayaan Masyarakat Islam di Hainan). penerbit Hainan.
- Wong, S. (2016). *Being Abdullah Ahmad Badawi: The authorised biography*. Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd.
- Wong Tze-Ken, D. (2013). The Cham Arrivals in Malaysia: Distant Memories and Rekindled Links. *Archipel*, 85(1), 151–165. <https://doi.org/10.3406/arch.2013.4389>
- Zheng, Y. (1997). *Hui Hui Hua Yan Jiu*(Kajian mengenai Dialek Tsat ) (Cetakan ke-1). Penerbit Yuandong Shanghai.

## LAMPIRAN A

### SENARAI INFORMAN KAJIAN

| <b>Kod Informan</b> | <b>Usia</b> | <b>Kerja</b>  | <b>Jantina</b> | <b>Kampung/Daerah</b> |
|---------------------|-------------|---------------|----------------|-----------------------|
| H1#                 | 33          | Pedagang      | Lelaki         | Huihui                |
| H2#                 | 28          | Pekedai       | Perempuan      | Huixin                |
| H3#                 | 45          | Swasta        | Lelaki         | Huixin                |
| H4#                 | 25          | Guru          | perempuan      | Huihui                |
| H5#                 | 72          | Bersara       | lelaki         | Huihui                |
| H6#                 | 41          | Penjawat awam | Lelaki         | Huixin                |
| S1#                 | 63          | Pemandu lori  | Lelaki         | Kubu Gajah 16         |
| S2#                 | 41          | Suri rumah    | Perempuan      | Kubu Gajah 16         |
| S3#                 | 71          | Bersara       | Lelaki         | Kubu Gajah 23         |
| S4#                 | 35          | Pekedai       | Perempuan      | Kubu Gajah 23         |
| S5#                 | 66          | Pekedai       | Lelaki         | Kubu Gajah 23         |
| S6#                 | 25          | Tukang kayu   | Lelaki         | Kubu Gajah 16         |

*Sumber: Kaji lapangan tahun 2023,2024*

*Catatan: Informan bermula dengan huruf H adalah berasal dari Hainan; Informan bermula dengan huruf S adalah berasal dari Sungai Buloh.*

Yahui Zhou  
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bandar Baru Bangi 43600, Selangor, Malaysia  
Emel: [aisyahzhou@gmail.com](mailto:aisyahzhou@gmail.com)

Asyaari Muhamad (Penulis koresponden)  
Pengarah Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
Bandar Baru Bangi 43600, Selangor, Malaysia  
Emel: [asyaari@ukm.edu.my](mailto:asyaari@ukm.edu.my)

Zuliskandar Ramli  
Felo Penyelidik Kanan Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
Bandar Baru Bangi 43600, Selangor, Malaysia  
Emel: [ziskandar@ukm.edu.my](mailto:ziskandar@ukm.edu.my)

Nurliyana Mohd Talib  
Akademi Pengajian Islam Kontempori(ACIS),  
Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perlis,  
Arau,02600, Perlis, Malaysia  
Emel: [liyanatalib@uitm.edu.my](mailto:liyanatalib@uitm.edu.my)